

Latihan Industri Fakulti Perakaunan : Cabaran dan Kaedah Penyelesaian

Mohamad Azmi Nias Ahmad

Halil Paino

Syed Iskandar Zulkarnain Sayd Idris

Shan Hairong

ABSTRAK

Latihan industri bagi Fakulti Perakaunan telah diwajibkan pada semester Disember 2003. Objektifnya adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang suasana pekerjaan yang sebenar, supaya pelajar dapat memperolehi pengalaman bekerja bersesuaian dengan bidang yang diambil dan dapat membantu pelajar dalam memberi gambaran mengenai kerjaya di masa hadapan. Penulisan ini adalah bertujuan untuk menyediakan maklumat pengalaman koordinator latihan industri bagi Fakulti Perakaunan berkenaan dengan permasalahan, cabaran, halangan dan kaedah penyelesaian diawal pelaksanaannya. Pengetahuan dan pengalaman yang diraih oleh pelajar dibentangkan termasuk komen dan cadangan majikan dibincangkan. Seterusnya bagaimana Fakulti Perakaunan menanganianya bagi menyediakan pelajar untuk menghadapi dunia pekerjaan yang mencabar. Maklumat penulisan ini adalah diperolehi daripada catatan dua kumpulan pelajar yang menjalani latihan industri iaitu kumpulan pertama pelajar semester Nov 2003 hingga Jun 2004 dan kumpulan ke dua, pelajar semester Jun hingga November 2004. Cadangan samada keperluan latihan industri untuk diteruskan, ditambahbaik atau dihapuskan dibincangkan di akhir kertas ini.

Kata kunci: *Fakulti Perakaunan, latihan industri, perakaunan*

Pengenalan

Program Latihan Amali ataupun Latihan industri (LI) ini telah dimulakan seawal 1967 di negara ini. Kemudiannya, mulai 1986 semua urusan berkaitan LI telah diserahkan kepada fakulti-fakulti disetiap universiti. Walaubagaimanapun, disebabkan perkembangan tertentu, pada tahun 1998, Fakulti Perakaunan Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah memansuhkan LI. Ia kemudiannya dijadikan ‘optional’ kepada pelajar program Ijazah Sarjana Muda Perakaunan. Akhirnya, pada tahun 2003, Kementerian Pelajaran Malaysia telah mencadangkan supaya pelajar yang mengikuti pengajian program Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) selama 4 tahun untuk menjalani latihan praktik (kemudiannya disebut latihan industri) selama satu semester ataupun 6 bulan.

Sehubungan dengan itu, Fakulti Perakaunan telah memperkenalkan semula kod PAC595, LI pada semester bermula Disember 2003. LI adalah bertujuan untuk memperolehi pengalaman bekerja selaras serta bersesuaian dengan bidang ataupun kursus yang diambil selain membantu pelajar dalam memberi gambaran mengenai kerjaya mereka di masa hadapan. LI dapat memberi peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan segala ilmu yang telah dipelajari di dalam kelas di dalam bidang yang mereka ceburi (Davis, 2010).

Melalui LI, pelajar mendapat pengalaman yang amat berguna bagi persediaan mereka menghadapi baki satu semester mereka dan memberi mereka keyakinan sewaktu temuduga kerja (Ross, 2008). Selain daripada itu, LI juga dapat melatih pelajar untuk berkomunikasi dengan rakan sekerja dan mewujudkan jaringan yang berkemungkinan dapat memberikan mereka peluang pekerjaan. Bagi memaksimakan keberkesanan LI, Fakulti Perakaunan hanya membenarkan pelajar pergi ke firma audit ataupun perakaunan yang menyediakan perkhidmatan audit, perakaunan, percuaian dan setiausaha syarikat, dan bagi firma yang bukan audit, pelajar hanya dibenarkan berkerja di jabatan akaun yang menjalankan aktiviti seperti audit dalam, penyediaan akaun kewangan dan pengurusan sahaja.

Dengan bekerja di firma-firma atau pun di jabatan perakaunan di syarikat-syarikat yang dipilih oleh pelajar dan dipersetujui oleh Koordinator LI, pelajar adalah diharapkan dapat menimba pengalaman yang berguna. Seperti contoh, pelajar dapat melalui sendiri bagaimana sesuatu proses pengauditan dilakukan

daripada mula hingga akhir. Dalam melalui proses ini, pelajar dapat bekerja secara berkumpulan dan mempelajari bagaimana untuk berkomunikasi dengan klien dan pegawai atasan. Pelajar juga berpeluang untuk belajar aturcara berkelakuan secara profession dari segi berkomunikasi, penulisan laporan dan etika kerja yang bertanggungjawab (Muaz, 2011). Interaksi bersama orang yang lebih berpengalaman di dalam bidang yang pelajar ceburi akan memberi impak positif dalam perkembangan proses pembelajaran mereka untuk menjadi seorang akauntan yang berjaya (Thomson, 1998).

Kaedah pengendalian latihan industri

Pelajar yang layak menjalani LI adalah pelajar yang telah mendaftarkan diri mengikuti kursus Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) di semester 7. Walaubagaimanapun, pelajar yang digantung pengajiannya atas sebab tertentu, tidak layak mengikuti latihan ini. Selain daripada itu, pelajar semester 6 yang telah gugur taraf dan diberhentikan juga tidak layak menjalani LI. Bagi pelajar kategori ini, hanya mereka yang berjaya dalam rayuan masuk semula sahaja akan dibenarkan menjalani LI.

Di awal semester, pelajar yang layak menjalani LI perlu mengisi Borang Maklumat Pelajar Latihan Amali. Jika pelajar mempunyai tempat LI yang telah mereka cari sendiri, mereka perlu nyatakan di dalam borang tersebut termasuk diminta untuk menamakan pelajar-pelajar yang lain untuk ditempatkan di firma yang sama. Borang ini akan diproses dan penempatan akan ditentukan oleh pihak fakulti. Pada dasarnya, semua pelajar yang mengikuti LI perlu mencari tempat LI mereka sendiri. Walaubagaimanapun, Koordinator LI telah menyenaraikan pendekkan beberapa firma audit dan perakaunan di setiap negeri di Malaysia. Senarai itu adalah berdasarkan maklumbalas rakan-rakan yang bekerja dan berurus dengan firma-firma tersebut. Pelajar adalah dicadangkan supaya mencari tempat LI berdekatan dengan tempat tinggal mereka memandangkan tempat tinggal tidak disediakan. Setelah mendapat tempat, sebarang pertukaran tidak dilayan kecuali atas situasi-situasi tertentu yang akan dibincangkan.

Pelajar perlu akur dengan segala peraturan yang telah ditetapkan oleh firma tempat mereka menjalani LI dan segala peraturan LI yang telah ditetapkan oleh UiTM. Sekiranya didapati ada pelajar yang melanggar peraturan tersebut mereka boleh dikenakan tindakan tatertib. Bagi tujuan ini, pelajar dikehendaki menandatangai perjanjian tiga sudut: iaitu perjanjian antara Fakulti dengan pelajar, Fakulti dengan Majikan dan Majikan dengan pelajar. Bagi tujuan pemantauan, pelajar perlu mengisi buku log bagi kerja harian mereka dan ianya perlu disahkan oleh pegawai yang mengawasi mereka di tempat mereka menjalani LI.

Kaedah penilaian latihan praktik adalah berdasarkan, penilaian oleh Penyelia Majikan melalui Borang ‘Practical Training Evaluation Report by Employer’, penilaian oleh Pemantau LI melalui Borang ‘Laporan Penilaian Prestasi Latihan Amali’ dan penilaian oleh Koordinator LI. Penilaian oleh majikan adalah berdasarkan kepada kelakuan, disiplin dan kebolehan pelajar membuat kerja-kerja yang diberi. Manakala, penilaian oleh Koordinator ataupun penyelia LI adalah berdasarkan kepada penilaian oleh majikan, kelakuan, disiplin dan kebolehan pelajar melaksanakan kerja-kerja yang diberi sewaktu lawatan oleh penyelia LI ke tempat LI. Pelajar yang dinilai gagal, dikehendaki mengulangi LI ini. Melalui rekod, sehingga artikel ini ditulis, belum ada lagi yang mendapat gred gagal.

Maklumbalas dan cabaran kumpulan pelajar pertama

Pelajar kumpulan pertama bagi semester Disember 2013 hingga Jun 2004 adalah terdiri daripada 46 orang pelajar (seperti Jadual 1) semester 7. Sewaktu di akhir semester 6, selepas mereka mendapat tempat LI, mereka diwajibkan untuk menghadiri satu sesi taklimat dan majlis menandatangani 3 surat perjanjian. Mereka juga digalakkan untuk membeli insuran perlindungan peribadi selama setahun. Insuran ini dibeli melalui wakil Koperasi UiTM Pahang.

Di dalam taklimat ini, pelajar diingatkan bahawa mereka adalah duta UiTM, di mana mereka perlu menjaga tingkahlaku dan tatasusila setiap masa. Mereka dinasihatkan supaya mengenali penyelia mereka di firma mereka bekerja dan mengetahui carta organisasi firma bagi mereka mengenali struktur dan perjalanan

firma tersebut. Mereka dinasihatkan supaya menepati waktu setiap masa dan menerima segala arahan dengan hati yang terbuka.

Pelajar dikehendaki bergaul dengan rakan sekerja, tetapi mereka dinasihatkan supaya mengelak politik di tempat kerja bagi mengelak menjadi mangsa keadaan. Mereka dimaklumkan bahawa adalah menjadi kebiasaan pada peringkat awal, majikan akan mengarahkan pelajar LI untuk melakukan tugas yang disifatkan sebagai ‘pengkeranian’ seperti mengfail dokumen dan fotokopi. Tugasan yang disifatkan sebagai tidak mencabar keintelikualan pelajar ini sebenarnya amat membantu pelajar untuk faham sistem firma diperingkat akar umbi.

Jadual 1 : Pecahan pelajar LI mengikut negeri

Negeri	Jumlah Pelajar	Jenis Firma
Kuala Lumpur	21	Audit, Perakaunan, Percukaian, Setiausaha syarikat
Selangor	13	Audit, Perakaunan, Percukaian, Setiausaha syarikat
Kelantan	6	Audit, Perakaunan, Percukaian
Pahang	3	Audit, Jabatan perakuan swasta
Johor	2	Audit, Perakaunan
Kedah	1	Audit
JUMLAH	46	

Sumber: Koordinator LI

Sepanjang tempoh LI bagi kumpulan pelajar pertama, Koordinator LI telah dimaklumkan permasalahan berikut yang dibahagikan kepada 2 jenis masalah, masalah peribadi dan masalah kebolehan pelajar di tempat kerja iaitu: -

1. Masalah peribadi

Melalui maklum balas daripada pelajar-pelajar LI, kebanyakan daripada mereka telah melalui berbagai-bagai kesulitan. Di antaranya ialah masalah seperti penyediaan resume, bergaul dengan staf lain dan yang paling ketara ialah berkomunikasi secara efektif. Selain daripada itu mereka juga tidak tahu akan hak mereka sebagai pekerja sambilan atau pelajar praktikal. Sebagai contoh, adakah mereka boleh meminta cuti rehat dan sebagainya.

Dari sudut pandangan pelajar, mereka ‘terkejut’ dengan betapa besarnya jarak antara apa yang dipelajari di dalam kelas dan apa yang mereka lakukan di tempat LI. Mereka juga melaporkan yang mereka tidak bersedia dan tidak berpengalaman hadir di dalam majlis-majlis besar bersama orang kenamaan termasuk mereka juga kurang faham cara untuk bercakap dengan golongan atasan. Selain daripada itu, terdapat juga 4 kes berat seperti berikut: -

a. Kes ragut

Dua pelajar telah diragut di Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur dan di Petaling jaya. Kes di Kuala Lumpur melibatkan ragut tas tangan manakala di Petaling Jaya adalah beg komputer bimbit. *Kes ragut berulangan bagi kumpulan pelajar ke 2 dan juga ke 3. Kemudianya, Koordinator membuat polisi untuk tidak membenarkan pelajar LI membawa tas tangan sewaktu bertugas.

b. Pecah rumah

Rumah pelajar telah dipecah masuk. Kes ini selesai setelah pihak polis mendapati bahawa ianya dilakukan oleh penyewa sebelumnya.

c. Gangguan seksual

Berlaku di salah satu firma di Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur. Perkara ini telah dilaporkan kepada ketua program. Sebelum tindakan dari pihak UiTM diambil, pekerja itu telah diambil tindakan buang kerja oleh firma berkenaan. Koordinator tidak menukar tempat LI pelajar ini memandangkan pelajar berkenaan berpuas hati dengan tindakan yang telah diambil oleh firma itu.

d. Tidak mendapat elaun yang telah dijanjikan

UiTM tidak mewajibkan atau meletakkan sesuatu kadar bagi bayaran elaun kepada pelajar LI. Walaubagaimanapun, pada kebiasaannya, pelajar akan bersetuju menjalani LI di sesuatu firma apabila mendapat bayaran elaun adalah setimpal dengan kos-kos seperti pengangkutan dan penempatan. Bagi menangani masalah ini, Koordinator melalui Pejabat Pengarah telah memaklumkan kepada firma tersebut bagi menyegerakan pembayaran.

e. Tekanan

Pelajar mengadu mereka berada dalam keadaan tertekan setiap masa kerana perlu menyiapkan kerja dalam waktu yang singkat. Mereka juga tidak dapat menahan emosi apabila perlu berhadapan dengan rakan sekerja dan majikan yang garang dan menekan.

2. Masalah kebolehan pelajar di tempat kerja

Melalui pemantauan yang dilakukan, berikut adalah 3 masalah utama menurut penyelia dan majikan firma di mana pelajar menjalani latihan praktikal.

a. Masalah berkomunikasi (34 ataupun 74% pelajar menghadapi masalah ini)

Sudah menjadi satu perkara yang selalu diperkatakan samada di media dan melalui maklumbalas pihak industri, bahawa pelajar-pelajar kita mempunyai sedikit kelemahan dalam berkomunikasi secara efektif. Antara faktor penyumbang kepada masalah ini ialah kurang berkeyakinan kepada kebolehan diri sendiri. Melalui maklumbalas majikan, pelajar kurang berkeyakinan bertutur di dalam bahasa Inggeris walaupun dari segi tatabahasa mereka adalah baik.

b. Masalah kemahiran ‘inter-personal’ (25 ataupun 54% pelajar menghadapi masalah ini)

Kemahiran ‘inter-personal’ boleh didefinisikan sebagai gabungan kemahiran berkomunikasi secara lisan ataupun bukan lisan, kemahiran mendengar, kemahiran berinteraksi, kemahiran membuat keputusan dan kemahiran membuat penilaian (De Janasz, Dowd, & Schneider, 2012). Melalui maklumbalas yang diterima, pelajar terlalu bergantung kepada penyelia dan sentiasa menunggu arahan tanpa ada initiatif untuk melakukan kerja secara berdikari. Selain daripada itu pelajar dilihat seperti tidak mahir untuk bergaul sesama rakan sekerja. Ditambah pula jika bekerja di firma yang mempunyai komposisi pelbagai bangsa

c. Masalah pelajar tidak boleh terus melakukan tugas yang diberi (28 ataupun 61% pelajar menghadapi masalah ini)

Kebanyakan majikan menjangkakan pelajar terus boleh melakukan tugas yang diberi. Mereka mungkin terlepas pandang bahawa majoriti pelajar belum pernah bekerja di firma audit ataupun perakaunan. Kemahiran yang mereka perolehi di dalam kelas adalah bersifat berstruktur dan amat berbeza dengan suasana kerja sebenar yang lebih dinamik dan berubah. Koordinator LI mendapat beberapa panggilan daripada majikan di mana mereka mengatakan pelajar tidak memahami undang-undang syarikat, kitaran perakaunan dan percuaian seolah-olah mereka tidak pernah belajar subjek ini.

Kaedah mengatasi masalah

Antara faktor penyumbang kepada masalah-masalah yang disebut di atas ialah kerana mereka kurang persediaan dan kurang berkeyakinan kepada kebolehan diri sendiri. Proses pembelajaran sama ada di dalam kelas ataupun aktiviti-aktiviti ko-kurikulum di UiTM sememangnya telah menyediakan mereka platform untuk pelajar menjadi seorang yang yakin dan berketerampilan, tetapi bila diamati semula, hanya sebahagian kecil sahaja yang tampil untuk menjadi ketua, wakil pelajar dan sebagainya.

Bagi mengatasi masalah berkomunikasi dan kemahiran ‘inter-personal’, selepas mengambilkira beberapa faktor yang disebutkan di atas, Fakulti Perakaunan percaya wujud keperluan bagi diadakan satu bengkel bagi menfokuskan kepada kesemua permasalahan yang timbul bagi pelajar semester pertama. Oleh itu, bagi pelajar-pelajar bahagian 6 Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) kumpulan ke 2, bagi semester Jun 2004 hingga November 2004 mereka diwajibkan menyertai satu bengkel yang dinamakan ‘Bengkel Persediaan Latihan Praktikal’.

Bengkel ini adalah inisiatif dan kerjasama bersama koordinator LI (Mohamad Azmi Nias Ahmad), koordinator program AC220 (Halil Paino) dan Timbalan pengarah HEA (PM Jamaludin Kasim). Bengkel ini mempunyai 6 komponen seperti Jadual 2 berikut:-

Jadual 2 : Komponen bengkel persediaan latihan praktikal

Tajuk	Penyampai
Experience Sharing	Bekas pelajar LI (Kumpulan pertama)
Hak-hak Pekerja di bawah Undang-undang dan Gangguan Seksual di Tempat Kerja	Cik Suria Fadhillah Mohd Pauzi (Pensyarah Undang-undang)
Etika & Protokol	Nias Ahmad Abdul Gani (Penceramah jemputan dari ‘Malaysia Airlines Academy’)
Business communication	Sharifah Norhafiza Syed Ibrahim (Pensyarah Perakaunan)
Practical training	Halil Paino (Koordinator AC220)
Panduan penyediaan resume, Persediaan menghadapi temuduga & Pengurusan stress	Haji Abd Razak Said (Pensyarah Pengurusan & Teknologi Pejabat)
Pengucapan awam	Hajjah Norlaila Abdullah Hari Ramulu Munusamy (Pensyarah Perakaunan)

Sumber: Koordinator LI

Bengkel ini bertujuan untuk memberi keyakinan berkomunikasi secara baik dan membantu pelajar yang mempunyai masalah berkomunikasi dengan berkesan. Pelajar dikritik dan diberi maklumbalas positif dan membina untuk tujuan pemberian sewaktu sesi pengucapan awam. Dengan penceramah yang mempunyai latar belakang yang berbeza dan berpengalaman bekerja di industri, pelajar dapat memanfaatkan peluang ini untuk memperbaiki diri di dalam kumpulan yang kecil. Penerangan terperinci bengkel ini diterangkan di dalam perenggan-perenggan yang berikut.

Sesi ‘Experience Sharing’ dikendalikan oleh 6 orang pelajar terpilih daripada kumpulan pertama. Mereka berkongsi pengalaman yang telah mereka tempuh sewaktu menjalani LI. Kesemua mereka menyarankan supaya kesemua pelajar yang bakal menjalani LI memahami asas-asas pembelajaran ketika waktu kuliah. Contohnya, seperti perakaunan, percukaian dan setiausaha syarikat.

Cik Suria Fadhillah Md Pauzi menyampaikan tajuk Hak-hak Pekerja di bawah Undang-undang dan Gangguan Seksual di Tempat Kerja’. Beliau menerangkan tanggungjawab pekerja dan juga majikan dalam sesebuah organisasi. Selain itu juga, beliau mengingatkan bahawa ada kemungkinan gangguan seksual di tempat kerja boleh berlaku memandangkan ianya pernah terjadi kepada pelajar yang telah menjalani latihan praktikal sebelum ini. Tindakan yang boleh di ambil sekiranya berlaku kes gangguan seksual ialah membuat laporan rasmi untuk tujuan tindakan tatatertib. Untuk mengelak masalah tersebut daripada berlaku tindakan seperti pertahankan diri dan jangan tunjukkan ketakutan akan dapat membantu.

Modul Etika dan Protokol dikendalikan oleh Encik Nias Ahmad Abdul Gani iaitu penceramah jemputan ‘Malaysia Airlines Academy’. Beliau dijemput berdasarkan Malaysia Airlines telah beberapa kali memenangi anugerah antarabangsa Skytrax bagi anugerah ‘The world’s best airline cabin staff’. Etika

didefinisikan sebagai adab sopan, tatasusila dan budi pekerti yang baik, manakala protokol bermaksud peraturan-peraturan rasmi yang perlu dipelihara, dipatuhi dan diamalkan (Abdul Gani, 1995). Modul ini menggariskan tatasusila pertemuan, adab ketika makan, bahasa panggilan dan ganti nama diri, adab ketika berbual, sifat-sifat yang dikehji, adab sopan dalam masyarakat, tatacara memperkenalkan orang, perilaku lafaz perkenalan, tatacara perbualan sosial, perkara-perkara yang perlu dijauhi semasa bercakap, cara berpakaian dan jenis-jenis pakaian rasmi. Peserta diberikan nota berkaitan cara pakaian dalam acara-acara rasmi dan lafaz-lafaz perbualan rasmi. Berikut adalah sebahagian contoh daripada lafaz-lafaz perkenalan bagi perbualan rasmi yang terdapat di dalam nota tersebut.

"Mrs. Juliana, may I present Mr. Saiyidi."

"Mr. President, I have the honour to present Professor Iskandar."

"Your Royal Highness, may I present Mrs. Osnita."

Memandangkan komunikasi merupakan salah satu masalah yang sering berlaku, sesi ‘Communication at Workplace’ merupakan sesi yang amat penting. Penceramah, Cik Sharifah Norhafiza Syed Ibrahim, Pensyarah Fakulti Perakaunan, menekankan tiga objektif utama iaitu, memahami kepentingan komunikasi bagi seseorang akauntan, memahami saluran untuk berkomunikasi yang melibatkan bercakap, mendengar dan melihat, dan seterusnya keyakinan berkomunikasi di tempat kerja. Beberapa contoh yang diberi sewaktu sesi beliau telah dapat membantu pelajar untuk berinteraksi secara berkesan di tempat kerja.

Sesi oleh Encik Halil Paino iaitu ‘Practical training’ adalah sesi di mana pelajar diberi penerangan mengenai suasana bekerja di firma audit dan perakaunan. Pengalaman kerja beliau menjadikan sesi ini menarik kerana input sebegini memberi sedikit persediaan bagi pelajar menjalani LI. Selaku Koordinator Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) – AC 220, penceramah mengambil kesempatan untuk menyampaikan amanat fakulti kepada semua peserta bengkel ini. Beliau mengingatkan supaya pelajar sentiasa menjaga nama baik UiTM, terutama sekali UiTM Cawangan Pahang.

Panduan penyediaan resume, persediaan menghadapi temuduga dan pengurusan tekanan dikendalikan oleh Tuan Haji Abd Razak Said daripada Fakulti Pengurusan dan Teknologi Pejabat. Bagi sesi penyedian resume, penceramah memberi panduan bagaimana menyediakan resume dan tujuan penyediaan resume. Menurut beliau, resume adalah dokumen berkaitan maklumat peribadi, pendidikan, pengalaman, kebolehan dan rujukan. Resume juga adalah gambaran awal kepada majikan untuk mengetahui latar belakang calon sebelum ditemuduga. Sewaktu ditemuduga, pelajar dinasihatkan supaya menyelidik latar belakang firma, memahami tugas jawatan yang ingin dipohon dan berpakaian kemas. Bagi persediaan psikologi sewaktu bekerja, penceramah mendefinisikan stres, menyenaraikan punca stres, akibat tekanan dan respon kepada tekanan. Penceramah, melalui pengalaman beliau, telah memberi panduan kepada peserta bagi mengurangkan tekanan di tempat kerja.

Sesi pengucapan awam dikendalikan oleh dua pensyarah Perakaunan iaitu Puan Norlaila Abdullah dan Encik Hari Ramulu Munusamy yang bertindak sebagai panel juri. Pelajar diberi kebebasan memilih tajuk yang berkaitan dengan perakaunan. Pelajar diminta untuk bercakap tanpa menggunakan skrip dengan intonasi dan nada suara yang yakin. Pelajar berucap selama 10 minit. Setelah selesai, juri memberi maklumbalas dan memberi panduan untuk memberi ucapan dengan penuh yakin. Juri juga melakonkan cara berucap dengan penuh yakin bagi memberi gambaran bagaimana komunikasi yang berkesan dapat menyampaikan maklumat dengan lebih efektif (Ahmad dan Abdul Gani, 2006).

Bagi mengatasi masalah ketiga, iaitu masalah pelajar tidak boleh terus melakukan tugas yang diberi, Koordinator LI mengambil pendekatan menerangkan kepada semua bakal majikan supaya satu sesi induksi ataupun latihan diberikan kepada pelajar LI. Memandangkan hampir kesemua pelajar belum pernah bekerja di bidang perakaunan, mereka perlukan penerangan dan latihan. Respon yang diterima daripada majikan amatlah memberansangkan di mana rata-rata pelajar diberi sesi pengenalan dan induksi bagaimana sistem dokumentasi di firma mereka. Ada juga kes di mana, ada di antara majikan ini memberi peluang kepada pelajar LI untuk mengikuti kursus jangka pendek perisian perakaunan.

Impak latihan industri

Impak LI kepada pelajar adalah seperti berikut:-

1. Memberi pendedahan kerjaya perakaunan

LI dapat memberi pendedahan awal yang amat diperlukan oleh pelajar untuk merapatkan jurang antara pembelajaran dan realiti kerja sebenar (Hanson, 1984; Tovey, 2001). Dengan pengalaman kerja ini, pelajar akan menjadi lebih yakin dalam menghadapi dunia pekerjaan selepas mendapat ijazah (Beard, 2007; Cannon and Arnold, 1998; Davis, 2010; Hurst and Good, 2010; Ju, Emenheiser, Clayton, and Reynolds, 1998; Muaz, 2011).

2. Mendapat pengalaman kerja

Menurut Hurst and Good (2010), telah menjadi trend masakini kebanyakan industri menggunakan platform LI untuk mencari pekerja yang sesuai. Ini dikuatkan lagi oleh kajian Ju et al. (1998) yang menyatakan bahawa LI dapat mencerahkan peluang pelajar untuk mendapat pekerjaan di tempat mereka menjalani LI. Oleh itu LI, jika dimanfaat sepenuhnya oleh pelajar dapat menjadikan ia batu loncatan bagi mereka mendapat kerja setelah meraih pengalaman di firma mereka bekerja. Ia memberikan mereka kelebihan daripada calon temuduga yang lain disebabkan mereka sudah berpengalaman dengan firma tersebut berbanding dengan calon yang lain.

3. Memikirkan kerjaya yang sesuai

Bagi pelajar yang belum membuat keputusan mengenai kerjaya mereka, LI adalah medan sesuai bagi mereka membuat keputusan. Pengalaman yang mereka perolehi, sama ada yang baik atau sebaliknya boleh dibuat sebagai panduan. Bagi bidang perakaunan, mereka boleh memilih sama ada menjadi juruaudit, akauntan syarikat ataupun bekerja di bank.

4. Memjudkan jaringan industri

LI juga dapat membantu UiTM mendapatkan maklumbalas daripada industri mengenai prestasi bakal graduan UiTM. Maklumbalas yang diterima dijadikan panduan untuk mengenal pasti kriteria, (seperti tahap kemahiran yang diperlukan) yang digunakan oleh majikan apabila mengambil pekerja. Ia juga dapat menjalin dan mengeratkan hubungan serta jaringan antara UiTM dengan industri.

Keberkesanan bengkel terhadap pelajar latihan industri

Bengkel yang telah diperkenalkan bagi pelajar LI kumpulan ke 2 telah mendapat respon yang positif. Berikut adalah respon daripada wakil kumpulan pelajar berkenaan.

"Melalui aktiviti-aktiviti yang telah dilakukan, kesimpulan yang dapat dibuat adalah kami semua dapat membentuk keyakinan kami di samping dapat memupuk lebih semangat kerjasama di kalangan kami. Selain daripada itu juga, kami semua dapat mengenal diri. Secara keseluruhan, melalui bengkel ini juga kami dapat melihat dan memperbaiki kelemahan diri serta tidak berfikiran negatif dalam melakukan sesuatu perkara untuk mencapai matlamat atau kejayaan."

Keberkesanan bengkel ini telah memberi impak yang memberansangkan. Koordinator menerima beberapa surat dari majikan tempat pelajar menjalani LI. Antara yang paling menarik, salah satu daripadanya menyatakan bahawa, mereka berpuashati dengan pelajar daripada UiTM Pahang dan mereka menyatakan bahawa jika pelajar seperti ini menjadi kayu pengukur, maka pelajar-pelajar UiTM Pahang di masa akan datang, mempunyai peluang cerah menjadi akauntan yang berjaya. Petikan surat ini adalah seperti yang berikut.

"....We must place on record our complete satisfaction with the first of your two undergraduates we had with us whose knowledge, understanding and willingness to learn was completely to our satisfaction. If they are the yardstick by which we are to gauge our future undergraduates, we are confident that they will pass out well and become good accountants."

Selain daripada itu, penilaian pelajar bagi kumpulan ke 2 adalah positif seperti di dalam jadual 3. Lebih 80% daripada maklumbalas yang diterima daripada majikan ataupun penyelia majikan menyatakan bahawa pelajar UiTM Pahang adalah kumpulan pelajar yang bekerja keras, boleh bekerja di dalam kumpulan, bermotivasi dan berpengetahuan di dalam teknologi sistem maklumat perakaunan.

Jadual 3 : Penilaian pelajar LI bagi 23 pelajar kumpulan ke 2

Penilaian	Mean penilaian
Kebolehan mental (Mental aptitude)	4.3
Kompetensi melakukan tugas (Job competency)	4
Kemahiran interpersonal (Interpersonal skills)	4
Tanggungjawab (Responsibility)	4.3
Kedatangan (Attendance)	4.4
Ketepatan masa (Punctuality)	4
Kesediaan untuk bekerja lebih masa (Willingness to work overtime)	4.3

Penilaian adalah berdasarkan skala Likert: 5. Cemerlang, 4. Baik, 3. Memuaskan, 2. Sederhana and 1. Lemah

Penutup

Masalah pelajar pada umumnya adalah kurang minat untuk berjuang dalam mencapai kejayaan dan cita-cita mereka sendiri. Sikap ini boleh melemahkan perjuangan bangsa dan keupayaan untuk bersaing. Masalah ini wujud adalah kerana mereka tidak diberi pendedahan awal mengenai bidang yang mereka ceburi (Ahmad, 2003). Ini ditambah pula dengan sikap memilih kerja, ketidakupayaan mereka berkomunikasi secara berkesan dan tiada pengalaman bekerja yang menyebabkan mereka tercicir dan memilih kerjaya lain (Baldwin and Ingram, 1991).

LI sedikit sebanyak telah memantapkan keyakinan diri, kepimpinan diri dan semangat berkerjasama apabila bekerja di dalam kumpulan (Beard, 2007). LI dilihat berjaya mengubah paradigma pelajar dan dapat menyemai minat, tumpuan dan meninggikan lagi kesungguhan seseorang pelajar itu untuk mengejar cita-cita mereka di dalam bidang perakaunan. LI memberi persediaan untuk berhadapan dengan situasi sebenar dan ini membantu mereka untuk lebih berfikiran positif dan lebih fokus. Dengan itu, LI patut diteruskan dengan beberapa penambahbaikan seperti, pemantauan yang lebih mantap dan hubungan koordinator dan pihak industri yang lebih erat.

Diharapkan kertas perkongsian maklumat ini sedikit sebanyak dapat memberikan gambaran kepada penyelidik akan datang ruang untuk dilakukan penyelidikan. Dalam kajian yang akan datang disarankan agar penyelidik membuat kajian pengesanan bagi mendapat maklumbalas keberkesanan LI dan membuat penganalisaan seperti hubungkait jenis firma LI dengan tawaran kerja yang diterima selepas mereka tamat, hubungkait latihan yang diterima tawaran kerja yang diterima selepas mereka tamat dan hubungkait pengalaman LI dengan perkembangan kerjaya mereka. Dengan mengaitkan lebih banyak lagi faktor-faktor lain yang berkaitan dalam kajian-kajian seumpama ini, ianya akan memberikan lebih nilai tambah kepada perkembangan ilmu itu sendiri.

Rujukan

- Abdul Gani, N. A. (1995). *Etika dan protokol* (Vol. 1): Nias Ahmad Abdul Gani.
- Ahmad, M. A. N. (2003). Awareness of MRSM's Students Towards Accountancy As A Profession. *Journal of Financial Reporting and Accounting*, 2(1), 43-54.

- Ahmad, M. A. N., & Abdul Gani, N. A. (2006). How to make training sessions effective. Paper presented at the *Kolokium Akademik 2006*, UiTM Pahang.
- Baldwin, B. A., & Ingram, R. W. (1991). Rethinking the objectives and content of elementary accounting. *Journal of Accounting Education*, 9(1), 1-14. doi: [http://dx.doi.org/10.1016/0748-5751\(91\)90019-N](http://dx.doi.org/10.1016/0748-5751(91)90019-N).
- Beard, D. F. (2007). Assessment of internship experiences and accounting core competencies. *Accounting Education*, 16(2), 207-220. doi: 10.1080/09639280701234625.
- Cannon, J. A., & Arnold, M. J. (1998). Student expectations of collegiate internship programs in business: A 10-Year update. *Journal of Education for Business*, 73(4), 202-205. doi: 10.1080/08832329809601630.
- Davis, T. (2010). Benefits of a summer internship. *Journal of Professional Issues in Engineering Education and Practice*, 136(4), 181-182. doi: doi:10.1061/(ASCE)1052-3928(2010)136:4(181).
- De Janasz, S. C., Dowd, K. O., & Schneider, B. Z. (2012). *Interpersonal skills in organizations*. New York: McGraw-Hill.
- Hanson, J. (1984). Internships and the individual: Suggestions for implementing (or improving) an internship program. *Communication Education*, 33(1), 53-61. doi: 10.1080/03634528409384717.
- Hurst, J. L., & Good, L. K. (2010). A 20-year evolution of internships: implications for retail interns, employers and educators. *The International Review of Retail, Distribution and Consumer Research*, 20(1), 175-186. doi: 10.1080/09593960903498342.
- Ju, J., Emenheiser, D. A., Clayton, H. R., & Reynolds, J. S. (1998). Korean students' perceptions of the effectiveness of their internship experiences in the hospitality industry in Korea. *Asia Pacific Journal of Tourism Research*, 3(1), 37-44. doi: 10.1080/10941669908722006.
- Muaz, S. (2011, 2011 Jan 04). Internships offer great opportunities, *McClatchy - Tribune Business News*. Retrieved from <http://ezproxy.ecu.edu.au/login?url=http://search.proquest.com/docview/822042790?accountid=10675http://kx7gx4pm8t.search.serialssolutions.com/?genre=article&sid=ProQ:&atitle=Internships+offer+great+opportunities&title=McClatchy+-+Tribune+Business+News&issn=&date=2011-01-04&volume=&issue=&spage=&author=Muaz+Shabandri>
- Ross, B. (2008). Nail your interview technique. *Travel Weekly*(1933), 27.
- Thomson, C. K. (1998). Junior teacher internship: Promoting cooperative interaction and learner autonomy in foreign language classrooms. *Foreign Language Annals*, 31(4), 569-583. doi: 10.1111/j.1944-9720.1998.tb00600.x.
- Tovey, J. (2001). Building connections between industry and university: Implementing an internship program at a regional university. *Technical Communication Quarterly*, 10(2), 225-239. doi: 10.1207/s15427625tcq1002_7.

MOHAMAD AZMI NIAS AHMAD, HALIL PAINO, SYED ISKANDAR ZULKARNAIN SAYD IDRIS
Universiti Teknologi MARA (Pahang).
azminias@gmail.com, halil@pahang.uitm.edu.my dan syediskandar2002@yahoo.com.